

Oleh Ruhanie Ahmad dan Jamaluddin Bakar

DEWAN RAKYAT

Desakan bersama ke sidang antarabangsa

Negara getah gesa naikkan harga

KUALA LUMPUR, Jumaat — Negara-negara Pengeluar getah telah mengemukakan satu cadangan kepada Majlis Getah Asli Antarabangsa yang sedang bersidang sekarang supaya dikaji semula harga getah yang lebih tinggi.

Timbalan Menteri Perumahan Utama, Encik Bujang Ullis berkata di Dewan Rakyat hari ini cadangan itu dibuat memandangkan jarak harga yang terdapat dalam perjanjian bagi mencerminkan kos pengeluaran yang sebenar pada masa sekarang.

Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRO) dimeteraikan pada bulan Oktober 1979.

Menjawab soalan tambahan dari Encik Nakhale Haji Ahmad (PAS — Baling)

bellau menyatakan Malaysia mahukan ibu pejabat INRO ditempatkan di Kuala Lumpur semata-mata untuk memastikan imej negara ini sebagai sebuah negara pengeluar.

Lain-lain keuntungan termasuklah memberi peluang pekerjaan dan imej Malaysia di mata asing.

Bellau menyatakan Malaysia tidak boleh membawa banyak isu.

Tender DBP

Dengan demikian, katanya, pengurusan stok simpanan getah terpaksa diberi kepada negara pengguna memandangkan stok itu dibiayai 50 peratus oleh negara pengguna.

Encik Bujang menyatakan jika perlu, kita akan berusaha juga mendapatkan

pengurusan stok simpanan itu.

"Kalau tidak dapat, apa hendak dibuat," katanya.

Sementara itu 58 pencetak Bumiputera, termasuk yang berusahasama, kini berdaftar dengan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Daud menegaskan di Dewan Rakyat syarikat berkenaan menyertai tawaran tender Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sehingga sekarang, katanya, Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengeluarkan 26 tender untuk mencetak buku dan majalah.

Peretakan Utusan Printcorp Sdn. Bhd., sebuah syarikat Bumiputera, berjaya menerima tawaran tender beberapa kali dengan nilai berjumlah \$1,149,224.

Datuk Dr. Sulaiman juga berkata, hampir 98 peratus penulis buku, jurnal dan majalah keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka terdiri dari kaum Bumiputera.

Dewan Bahasa dan Pustaka membayar royalti kepada penulis di antara 10 hingga 15 peratus untuk sebuah buku.

Menjawab pertanyaan Haji Nik Aziz Nik Mat (PAS-Pengkalan Chepa), Menteri itu berkata, untuk menjual buku kepada pembeli, Dewan Bahasa dan Pustaka mengamalkan sistem penderang tunggal Dewan.

Sebanyak 30 syarikat penderang buku Dewan Bahasa dan Pustaka terdapat di seluruh Malaysia, sebuah di Singapura dan sebuah di bandar Sri Begawan di Brunei.